

## PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

- > **LEMBAGA KWSP TELAH MEMAINKAN PERANAN UTAMA DALAM PENUBUHAN BPSM. TUJUAN BPSM DITUBUHKAN IALAH UNTUK MELINDUNGI KEPENTINGAN PEMEGANG SAHAM MINORITI DENGAN MENGGALAKKAN AMALAN-AMALAN KORPORAT YANG BAIK DI KALANGAN SYARIKAT YANG TERSENARAI DI BURSA MALAYSIA.**
- > **THE EPF BOARD HAS PLAYED A KEY ROLE IN THE FORMATION OF THE MSWB. THE MAIN OBJECTIVE OF THE MSWB IS TO ENHANCE MINORITY SHAREHOLDERS ACTIVISM BY PROMOTING BEST PRACTICES AMONG LISTED ENTITIES IN THE BURSA MALAYSIA.**

Sebagai pemegang amanah, Lembaga sentiasa mengutamakan integriti, ketelusan dan profesionalisme sebagai pegangan asas dalam menjalankan tanggungjawabnya kepada ahli. sehubungan ini, Lembaga mengakui bahawa amalan tadbir urus korporat yang baik adalah asas bagi menunaikan tanggungjawabnya. Sungguhpun Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia adalah terpakai untuk syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Namun, Lembaga percaya dengan menerima pakai inti pati kod ini ia boleh memacu KWSP ke arah kecemerlangan. Lembaga juga percaya dengan menerima pakai kod ini keyakinan pemegang kepentingan KWSP akan meningkat terhadap organisasi ini.

*As a trustee, the Board has always placed an emphasis on integrity, transparency and professionalism as a fundamental part of discharging the Board's responsibilities to its members. In this regard, the Board acknowledges that good corporate governance practices form the basis for it to discharge its responsibilities. Although the Malaysian Code on Corporate Governance is applicable to companies listed on Bursa Malaysia, the Board believes that the adoption of the essence of this code will drive the EPF towards excellence and enhance stakeholders' confidence in the organisation.*

### **MENYOKONG BADAN PEMEGANG SAHAM MINORITI (BPSM)**

Lembaga KWSP telah memainkan peranan utama dalam penubuhan Badan Pemegang Saham Minoriti (BPSM). Tujuan BPSM ditubuhkan ialah untuk melindungi kepentingan pemegang saham minoriti dengan menggalakkan amalan-amalan korporat yang baik di kalangan syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Lembaga sedar bahawa

### **SUPPORTING THE MINORITY SHAREHOLDERS WATCHDOG BODY (MSWB)**

*The EPF Board has played a key role in the formation of the Minority Shareholders Watchdog Body (MSWB). The main objective of the MSWB is to enhance minority shareholders activism by promoting best practices among listed entities in the Bursa Malaysia. As a pioneer of the MSWB, it is only befitting*



sebagai peneraju Badan ini, KWSP hendaklah terlebih dahulu mematuhi amalan-amalan baik yang termaktub di dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

## LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

### Tugas dan Tanggungjawab Utama Lembaga

Lembaga mempunyai beberapa tugas yang khusus seperti mengawal selia pelaksanaan polisi berkaitan dengan kerja-kerja operasi, mengenal pasti bidang-bidang berisiko dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengurus risiko tersebut serta mengkaji semula keutuhan dan kesempurnaan sistem kawalan dalaman daripada semasa ke semasa. Selain Lembaga, Akta KWSP 1991 juga memperuntukkan penubuhan Panel Pelaburan yang menentukan hala tuju strategik bagi semua perkara berkaitan dengan pelaburan KWSP. Ia menentukan dan meluluskan garis panduan pelaburan, polisi berkaitan risiko kawalan alokasi aset dan hala tuju strategik pelaburan.

### Pelantikan Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan

Menteri Kewangan adalah pihak berkuasa yang melantik semua ahli Lembaga dan Panel Pelaburan termasuk Ketua Pegawai Eksekutif. Dalam menjalankan tanggungjawab ini, Menteri Kewangan hanya melantik mereka yang terbukti mempunyai rekod yang baik dari segi integriti, kebolehan dan kebolehpercayaan supaya mereka dapat menjalankan tanggungjawab mereka terhadap KWSP secara berkesan. Tempoh pelantikan mereka adalah selama dua tahun dan Menteri akan menilai semula prestasi dan kecekapan mereka secara individu dan keseluruhan.

*that the EPF Board itself adheres to best practices enshrined in the Malaysia Code on Corporate Governance.*

## THE BOARD MEMBERS AND INVESTMENT PANEL

### Main Duties and Responsibilities of the Board

*The Board assumes a number of specific responsibilities such as overseeing the implementation of policies related to the operations of the EPF, identifying key risks areas and taking appropriate steps to manage these risks as well as reviewing the adequacy and integrity of the internal control systems. Apart from the Board, the EPF Act 1991 also provides for the establishment of an Investment Panel to provide strategic directions on investment matters. It determines and approves investment guidelines, policies on risk control and asset allocation and strategic direction on investment.*

### Appointment to the Board and the Investment Panel

*Members of the Board and the Investment Panel as well as the Chief Executive Officer are appointed by the Minister of Finance. In exercising this responsibility, the Minister appoints only those who have proven track records of integrity, ability and reliability to undertake the obligations effectively. Appointments are for a period of two years and the Minister of Finance will review on performance and effectiveness as individuals and as a whole.*

SELAIN LEMBAGA, AKTA KWSP 1991 JUGA  
MEMPERUNTUKKAN PENUBUHAN PANEL PELABURAN  
YANG MENENTUKAN HALA TUJU STRATEGIK BAGI SEMUA  
PERKARA BERKAITAN DENGAN PELABURAN KWSP.

*APART FROM THE BOARD, THE EPF ACT 1991 ALSO  
PROVIDES FOR THE ESTABLISHMENT OF AN INVESTMENT  
PANEL TO PROVIDE STRATEGIC DIRECTIONS ON  
INVESTMENT MATTERS.*



## PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

### **Komposisi Keahlian Lembaga dan Panel Pelaburan**

Lembaga KWSP terdiri daripada 18 orang ahli yang tidak mempunyai kuasa eksekutif kecuali Ketua Pegawai Eksekutif. Selain Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, keahlian Lembaga terdiri daripada empat wakil pekerja, empat wakil majikan dan lima wakil kerajaan. Tambahan pula, Lembaga juga mempunyai tiga wakil yang mempunyai kemahiran dalam bidang perniagaan, kewangan dan ekonomi. Ini bertujuan untuk meningkatkan kewibawaan Lembaga, memastikan kebebasan Lembaga dan membolehkan Lembaga menerima nasihat yang profesional dan objektif.

Panel Pelaburan pula diketuai oleh seorang Pengerusi dan mempunyai wakil daripada Bank Negara, Kementerian Kewangan dan tiga orang pakar kewangan. Pada masa ini, Pengerusi Panel Pelaburan adalah juga Pengerusi Lembaga. Ketua Pegawai Eksekutif menganggotai Panel Pelaburan sebagai ahli ex-officio. Komposisi keahlian Lembaga dan Panel Pelaburan ini menunjukkan Lembaga dan Panel Pelaburan dianggotai oleh ahli daripada pelbagai latar belakang yang membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan.

### **Jawatan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif**

Jawatan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif adalah berasingan dan diisi oleh dua individu yang berlainan. Pengasingan fungsi dan tanggungjawab bagi kedua-dua jawatan tersebut adalah bagi memastikan keseimbangan kuasa dan autoriti serta kuasa tidak tertumpu pada seorang sahaja. Lembaga adalah bertanggungjawab terhadap keberkesanan keseluruhan organisasi. Ketua Pegawai Eksekutif pula adalah bertanggungjawab terhadap keseluruhan pentadbiran harian.

### **Composition of the Board and Investment Panel**

*There are 18 members sitting on the Board of the EPF, all with non-executive powers except the Chief Executive Officer. Besides the Chairman and the Chief Executive Officer, the Board's composition has representations from its stakeholders, that is, four members representing the employees and employers respectively and five members representing the Government. To add credence and independence to the Board as well as to give the necessary professional advice, three Board members from the business, finance and economics background have also been included. The Investment Panel, headed by the Chairman of the EPF Board, has a representative from Bank Negara, the Ministry of Finance and three independent financial experts.*

*The Chief Executive Officer is the ex-officio board member. Members of the Board together with the Investment Panel, therefore, are from a wide spectrum of experience providing competence and strength in discharging their duties effectively.*

### **The Position of the Chairman and Chief Executive Officer**

*The positions of the Chairman and the Chief Executive Officer are held by two different persons. The functions and the division of responsibilities were separated to ensure balance of power and authority, so that there will not be concentration of power in one person. While the Board assumes the overall responsibility to lead and control the organisation, the day to day operations is the responsibility of the Chief Executive Officer and Senior Management.*

JAWATAN Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif adalah berasingan dan diisi oleh dua individu yang berlainan. Pengasingan fungsi dan tanggungjawab bagi kedua-dua jawatan tersebut adalah bagi memastikan keseimbangan kuasa dan autoriti serta kuasa tidak tertumpu pada seorang sahaja.

*THE POSITIONS OF THE CHAIRMAN AND THE CHIEF EXECUTIVE OFFICER ARE HELD BY TWO DIFFERENT PERSONS. THE FUNCTIONS AND THE DIVISION OF RESPONSIBILITIES WERE SEPARATED TO ENSURE BALANCE OF POWER AND AUTHORITY, SO THAT THERE WILL NOT BE CONCENTRATION OF POWER IN ONE PERSON.*

#### **MESYUARAT LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN**

Lembaga bermesyuarat dua bulan sekali untuk mempertimbangkan, mengkaji semula, menilai polisi dan strategi serta memantau prestasi Pengurusan. Sepanjang tahun 2008, Lembaga telah bermesyuarat sebanyak 7 kali. Panel Pelaburan pula bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali untuk mempertimbang dan meluluskan perakuan pelaburan. Pada tahun ini, Panel Pelaburan telah bermesyuarat sebanyak 18 kali. Selaras dengan Kod Tadbir Urus Korporat, seseorang Ahli Lembaga atau Panel Pelaburan itu hendaklah menghadiri sekurang-kurangnya 50 peratus daripada mesyuarat yang diadakan. Berikut adalah butir-butir kehadiran mesyuarat Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan.

#### **THE BOARD AND INVESTMENT PANEL MEETINGS**

*The Board meets bimonthly to deliberate, review, evaluate policies and strategies, and monitor the performance of the Management. In 2008, the Board held 7 meetings. The Investment Panel meets at least once a month to deliberate and approve applications, proposals and recommendations with regards to investment matters. During the year, 18 Panel meetings were held. In line with the Corporate Governance Code, the Board and Panel members are required to attend at least 50 percent of the meetings held. Details of members' attendance at meetings are as follows.*

# PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

## KEHADIRAN AHLI LEMBAGA • ATTENDANCE OF BOARD MEMBERS

Jumlah mesyuarat yang telah diadakan ialah 7 kali • Total number of meetings held was 7

NAMA • NAME	KEHADIRAN • ATTENDANCE
1. TAN SRI SAMSUDIN OSMAN (Pelantikan Mulai/ <i>Appointed From</i> 01.02.2007)	7/7
<b>Wakil Kerajaan • Government Representatives</b>	
2. DATO' IBRAHIM MAHALUDIN PUTEH (Tamat Tempoh Mulai/ <i>Period Ended From</i> 17.10.2008)	2/5
DATUK LATIFAH DATUK ABU MANSUR [Lantikan Baru Sebagai Ahli Lembaga/ <i>Newly Appointed As Board Member</i> ]	1/1
DATUK NOZIRAH BAHARI (Silah Ganti/ <i>Alternate</i> )	2/7
3. DATUK THOMAS GEORGE A/L M.S. GEORGE	4/7
ENCIK MOHD AZMAN ABDUL MUBIN (Silah Ganti/ <i>Alternate</i> )	3/7
4. TAN SRI ISMAIL ADAM	1/7
DATUK AB. KHALIL AB. HAMID (Silah Ganti/ <i>Alternate</i> )	4/7
5. DATUK AMAR WILSON BAYA DANDOT	3/7
DATU ABDUL GHAFUR SHARIFF (Silah Ganti/ <i>Alternate</i> )	4/7
6. DATUK HJ. SUKARTI WAKIMAN	2/7
ENCIK SAIRIN MELIN (Silah Ganti/ <i>Alternate</i> )	2/2
(Tamat Tempoh Mulai/ <i>Period Ended From</i> 01.04.2008)	
DATUK HAJI NORDIN SIMAN (Silah Ganti/ <i>Alternate</i> )	2/5
(Mulai/ <i>From</i> 01.04.2008) [Lantikan Baru/ <i>Newly Appointed</i> ]	
<b>Wakil Majikan • Employers Representatives</b>	
7. DATO' AZMAN SHAH HARON	5/7
8. DATUK HJ. AHMAD ALI LOPE ABDUL AZIZ	6/7
9. TAN SRI YONG POH KON	4/7
10. TUAN HJ. MAHMUD MOHD NOR	7/7
<b>Wakil Pekerja • Employees Representatives</b>	
11. TUAN SYED SHAHIR SYED MOHAMUD	7/7
12. ENCIK AHMAD SHAH MOHD ZIN	2/7
13. ENCIK ANDREW LO KIAN NYAN	6/7
14. CIK CHIN YUNG CHIEW @ REBECCA	7/7
<b>Wakil Profesional • Professionals Representatives</b>	
15. DATUK MOHD HASHIM HASSAN [Letak Jawatan Mulai/ <i>Resigned From</i> 01.10.2008]	2/5
16. DATO' MOHAMMED AZLAN HASHIM	3/7
17. PROF. DATUK DR. ISMAIL MD. SALLEH	2/7
<b>Ex-Officio</b>	
18. TAN SRI AZLAN ZAINOL	7/7

## KEHADIRAN AHLI PANEL PELABURAN • ATTENDANCE OF INVESTMENT PANEL MEMBERS

Jumlah mesyuarat yang telah diadakan ialah 18 kali • Total number of meetings held was 18

NAMA • NAME	KEHADIRAN • ATTENDANCE
1. TAN SRI SAMSUDIN OSMAN	18/18
2. DATO' IBRAHIM MAHALUDIN PUTEH (Tamat Tempoh Mulai/Period Ended From 17.10.2008)	10/18
DATUK LATIFAH DATUK ABU MANSOR (Mulai/From 17.10.2008)	1/2
3. DATO' MOHD RAZIF ABD. KADIR (Letak Jawatan Mulai/Resigned From 29.02.2008)	1/3
PUAN NOR SHAMSIAH MOHD YUNUS (Mulai/From 01.03.2008)	4/15
4. TAN SRI AMIRSHAM ABD. AZIZ (Letak Jawatan Mulai/Resigned From 18.03.2008)	3/5
DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR (Mulai/From 01.06.2008)	5/13
5. DATO' SRI MOHAMED NAZIR BIN ABDUL RAZAK	10/18
6. ENCIK CHEAH TEK KUANG	13/18
7. TAN SRI AZLAN ZAINOL	18/18

### PEMBERIAN MAKLUMAT KEPADA LEMBAGA

Semua Ahli Lembaga diberikan laporan dan cadangan lengkap mengenai perkara yang akan dibincangkan sebelum mereka menghadiri mesyuarat. Ini bertujuan membolehkan mereka mempertimbangkan perkara-perkara yang perlu dibincangkan dalam mesyuarat terlebih dahulu sebelum mesyuarat diadakan. Antara perakuan yang penting dikemukakan kepada Lembaga untuk kelulusan ialah belanjawan tahunan dan perancangan strategik KWSP. Selain itu, Lembaga juga diberikan laporan rutin dan statistik penting berkaitan dengan pentadbiran, pelaburan, penyata suku tahunan, minit mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga dan lain-lain. Jika perlu, Lembaga boleh mendapatkan nasihat profesional yang bebas untuk melaksanakan tanggungjawabnya.

### JAWATANKUASA LEMBAGA

Bagi memastikan Lembaga menunaikan tanggungjawabnya dengan cekap, Lembaga telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa untuk mengawal selia perjalanan organisasi. Setiap Jawatankuasa menjalankan tugasnya berdasarkan terma rujukan yang jelas. Berikut adalah butir-butir kehadiran Ahli Jawatankuasa Lembaga pada tahun 2008 bersama terma rujukan mereka:

### PROVISION OF INFORMATION TO THE BOARD

*Members of the Board are provided with comprehensive reports and proposals prior to Board meetings. This is to enable Board members to study and review the matters to be discussed. Among the important recommendations tabled to the Board for approval are the annual budget and strategic plan of the EPF. Apart from these, the Board are also presented with routine reports and important statistics on administration, investment, quarterly accounts, minutes of Board Committee meetings and others. The Board can seek independent professional advice should the need arise.*

### BOARD COMMITTEES

*To ensure the efficient discharge of its duties, the Board has formed various committees to oversee specific matters pertaining to the running of the organisation. Each committee operates within clearly defined terms of reference. The Board Committees, their terms of reference and attendance of their meetings for 2008 are as follows:*

## PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

### KEHADIRAN AHLI MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA •

#### ATTENDANCE OF MEETINGS OF BOARD AUDIT COMMITTEE

Jumlah mesyuarat yang telah diadakan ialah 6 kali • Total number of meetings held was 6

NAMA • NAME	KEHADIRAN • ATTENDANCE
1. ENCIK ANDREW LOW KIAN NYAN (Pengerusi/Chairman)	6/6
2. DATO' IBRAHIM MAHALUDIN PUTEH (Keahlian Setakat/Member Until 17.10.2008)	0/4
DATUK LATIFAH DATUK ABU MANSUR (Mulai/From 19.12.2008)	0/0
3. DATO' AZMAN SHAH HARON	6/6
4. CIK CHIN YUNG CHIEW @ REBECCA	5/6
5. DATUK MOHD HASHIM HASSAN (Keahlian Setakat/Member Until 01.10.2008)	2/4
6. TAN SRI AZLAN ZAINOL	6/6

### KEHADIRAN AHLI MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN & PEMBANGUNAN •

#### ATTENDANCE OF MEETINGS OF FINANCE & DEVELOPMENT COMMITTEE

Jumlah mesyuarat yang telah diadakan ialah 6 kali • Total number of meetings held was 6

NAMA • NAME	KEHADIRAN • ATTENDANCE
1. TAN SRI SAMSUDIN OSMAN [Pengerusi/Chairman]	6/6
2. DATO' IBRAHIM MAHALUDIN PUTEH (Tamat Tempoh Mulai/Period Ended From 17.10.2008)	3/3
DATUK LATIFAH DATUK ABU MANSUR (Mulai/From 19.12.2008) [Lantikan Baru Sebagai Ahli Lembaga/Newly Appointed As Board Member]	0/0
DATUK NOZIRAH BAHARI (Silih Ganti/Alternate)	1/1
3. TAN SRI YONG POH KON	3/6
4. TUAN SYED SHAHIR SYED MOHAMUD	5/6
5. CIK CHIN YUNG CHIEW @ REBECCA	6/6
6. DATUK MOHD HASHIM HASSAN (Letak Jawatan Mulai/Resigned From 01.10.2008)	2/5
7. TAN SRI AZLAN ZAINOL	6/6

### KEHADIRAN AHLI MESYUARAT JAWATANKUASA PERJAWATAN, PELANTIKAN & PERKHIDMATAN •

#### ATTENDANCE OF MEETINGS OF BOARD ESTABLISHMENT, APPOINTMENT & SERVICES COMMITTEE

Jumlah mesyuarat yang telah diadakan ialah 5 kali • Total number of meetings held was 5

NAMA • NAME	KEHADIRAN • ATTENDANCE
1. TAN SRI ISMAIL ADAM (Pengerusi/Chairman)	3/3
2. DATUK THOMAS GEORGE A/L M.S. GEORGE	5/5
3. TUAN HJ. MAHMUD MOHD NOR	5/5
4. ENCIK AHMAD SHAH MOHD ZIN	1/5
5. PROF DATUK DR. ISMAIL MD. SALLEH	3/5
6. TAN SRI AZLAN ZAINOL	5/5

**KEHADIRAN AHLI MESYUARAT JAWATANKUASA TATATERTIB LEMBAGA •****ATTENDANCE OF MEETINGS OF BOARD DISCIPLINARY COMMITTEE**

Jumlah mesyuarat yang telah diadakan ialah 5 kali • *Total number of meetings held was 5*

NAMA • NAME	KEHADIRAN • ATTENDANCE
1. DATUK THOMAS GEORGE A/L M.S. GEORGE (Pengerusi/Chairman)	5/5
2. DATUK HJ. SUKARTI WAKIMAN	1/5
3. DATUK HJ. AHMAD ALI LOPE ABDUL AZIZ	4/5
4. TUAN SYED SHAHIR SYED MOHAMUD	3/5
5. DATO' MOHAMMED AZLAN HASHIM	5/5

---

**KEHADIRAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA •****ATTENDANCE OF MEETINGS OF BOARD RISK MANAGEMENT**

Jumlah mesyuarat yang telah diadakan ialah 4 kali • *Total number of meetings held was 4*

NAMA • NAME	KEHADIRAN • ATTENDANCE
1. DATO' MOHAMMED AZLAN HASHIM (Pengerusi/Chairman)	4/4
2. DATUK HJ. SUKARTI WAKIMAN	1/4
3. DATO' AZMAN SHAH HARON	3/4
4. TUAN SYED SHAHIR SYED MOHAMUD	3/4
5. DATUK MOHD HASHIM HASSAN (Letak Jawatan Mulai/Resigned From 01.10.2008)	1/3
6. TAN SRI AZLAN ZAINOL	4/4

---

**KEHADIRAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA LEMBAGA PENGURUSAN PRESTASI •****ATTENDANCE OF MEETINGS OF PERFORMANCE MANAGEMENT COMMITTEE**

Jumlah mesyuarat yang telah diadakan ialah 2 kali • *Total number of meetings held was 2*

NAMA • NAME	KEHADIRAN • ATTENDANCE
1. TAN SRI ISMAIL ADAM (Pengerusi/Chairman)	2/2
2. DATUK AMAR WILSON BAYA DANDOT	2/2
3. DATUK HJ. AHMAD ALI LOPE ABDUL AZIZ	2/2
4. ENCIK ANDREW LO KIAN NYAN	2/2
5. DATO' MOHAMMED AZLAN HASHIM	1/2
6. TAN SRI AZLAN ZAINOL	2/2

---



# PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

## KEHADIRAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA KECIL HALA TUJU •

### ATTENDANCE OF MEETINGS OF HALA TUJU SUB COMMITTEE

Jumlah mesyuarat yang telah diadakan ialah 1 kali • Total number of meetings held was 1

NAMA • NAME	KEHADIRAN • ATTENDANCE
1. PROF DATUK DR. ISMAIL MD SALLEH (Pengerusi/Chairman)	1/1
2. DATO' IBRAHIM MAHALUDIN PUTEH (Tamat Tempoh Mulai/Period Ended From 17.10.2008)	0/1
3. TAN SRI YONG POH KON	0/1
4. TUAN SYED SHAHIR SYED MOHAMUD	1/1
5. ENCIK ANDREW LO KIAN NYAN	1/1
6. TAN SRI AZLAN ZAINOL	1/1

## KEHADIRAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA RISIKO PANEL PELABURAN •

### ATTENDANCE OF MEETINGS OF INVESTMENT PANEL RISK MANAGEMENT COMMITTEE

Jumlah mesyuarat yang telah diadakan ialah 4 kali • Total number of meetings held was 4

NAMA • NAME	KEHADIRAN • ATTENDANCE
1. DATO' SRI MOHAMED NAZIR BIN ABDUL RAZAK (Pengerusi/Chairman)	4/4
2. DATO' MOHD RAZIF BIN ABD. KADIR (Letak Jawatan Mulai/Resigned From 29.02.2008)	1/1
DATO' IBRAHIM MAHALUDIN PUTEH (Tamat Tempoh Mulai/Period Ended From 17.10.2008)	1/2
3. ENCIK CHEAH TEK KUANG	3/4
4. TAN SRI AZLAN ZAINOL	4/4

## JAWATANKUASA LEMBAGA: TERMA RUJUKAN

### Jawatankuasa Audit Lembaga

Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk membantu Lembaga menilai keberkesanan Jabatan Audit Dalam. Selain itu, Jawatankuasa ini juga menilai keberkesanan dan kecukupan polisi operasi dan sistem kawalan dalaman termasuk polisi perakaunan, prosedur kewangan dan pengurusan akaun.

### Jawatankuasa Kewangan Dan Pembangunan

Jawatankuasa ini bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berkaitan dengan pelupusan aset dan harta tak alih. Selain itu, Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab terhadap perkara berkaitan dengan kewangan termasuk pembukaan akaun bank utama, kawalan perbelanjaan dan memperakukan belanjawan.

## BOARD COMMITTEES: TERMS OF REFERENCE

### Board Audit Committee

The Committee is responsible to assist the Board in assessing the effectiveness of the Internal Audit Department. In addition, the Committee also evaluates the effectiveness and adequacy of operations policies, internal control system, which includes accounting policies, financial procedures and management of account.

### Finance and Development Committee

The Committee is responsible for matters relating to the disposal of fixed assets. In addition, the Committee also deals with financial matters which includes opening of the main bank account, control of expenses and recommendation of the annual budget to the Board.

#### Jawatankuasa Perjawatan, Pelantikan dan Perkhidmatan

Jawatankuasa ini adalah bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berkaitan dengan pewujudan jawatan dalam organisasi, terma dan syarat perkhidmatan, struktur gaji, pelantikan pegawai atau pekhidmat Lembaga dan perkara-perkara lain berkaitan sumber manusia.

#### Jawatankuasa Tatatertib Lembaga

Jawatankuasa ini bertanggungjawab berhubung dengan tindakan tatatertib termasuk tindakan buang kerja dan turun pangkat terhadap pegawai dan pekhidmat Lembaga.

#### Jawatankuasa Kenaikan Pangkat

Bertanggungjawab terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan kenaikan pangkat pegawai-pegawai dan pekhidmat Lembaga.

#### *Establishment, Appointment and Service Committee*

*The Committee is responsible to deal with matters related to the establishment of positions in the organisation, terms and conditions of service, salary structure of the officer and servants of the Board and other related human resources matters.*

#### *Board Disciplinary Committee*

*The Disciplinary Committee is the disciplinary authority of the in respect of officers and servants of the Board, which includes dismissal and reduction in rank.*

#### *Promotion Committee*

*The Committee is responsible for matters relating to the promotion of the officers and servants of the Board.*

#### **BAYARAN ELAUN HONORARIUM DAN ELAUN KEHADIRAN MESYUARAT • PAYMENT OF HONORARIUM AND ATTENDANCE ALLOWANCE**

Bil. No.	Nama	Elaun Tetap Fixed Allowance (RM)	Kehadiran Ahli Silih Ganti Mesyuarat Lembaga Alternate Board Members Attendance (RM)	Kehadiran Ahli Lembaga ke Panel Pelaburan Investment Panel Board Members Attendance (RM)	Pengerusi Mesyuarat Chairman of Meeting (RM)	Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Committee Meeting Attendance (RM)	Jumlah Total (RM)
1.	Ahli Lembaga/ Board Members	257,600	–	4,000	24,500	63,750	349,850
2.	Silih Ganti/ Alternate	–	8,250	–	–	8,250	16,500
3.	Panel Pelaburan/ Investment Panel	46,000	–	–	2,500	12,250	60,750
<b>JUMLAH/TOTAL (RM)</b>		<b>303,600</b>	<b>8,250</b>	<b>4,000</b>	<b>27,000</b>	<b>84,250</b>	<b>427,100</b>

#### **EMOLUMEN PENGURUSAN TERTINGGI • TOP MANAGEMENT EMOLUMENT**

Jawatan/Position	Saraan/Remuneration
Ketua Pegawai Eksekutif/Timbangan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi)/ Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan)/Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Kewangan & Khidmat Pelanggan) (Lantikan sebagai TKPE mulai April 2009)/ Chief Executive Officer/Deputy Chief Executive Officer (Operations) Deputy Chief Executive Officer (Investment)/Deputy Chief Executive Officer (Finance & Customer Care) (Appointed as DCEO from April 2009)	RM2,591,620

## PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

### **BAYARAN HONORARIUM/ELAUN KEHADIRAN AHLI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN**

Ahli Lembaga menerima honorarium tetap sebanyak RM1,400.00 sebulan. Manakala, Ahli Lembaga Silih Ganti pula menerima elaun kehadiran mesyuarat sebanyak RM400.00 setiap kali mereka menghadiri Mesyuarat Lembaga dan RM250.00 setiap kali menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga. Ahli Panel Pelaburan dibayar honorarium tetap RM1,000.00 setiap bulan dan bagi Ahli Panel Pelaburan yang juga menjadi Ahli Lembaga, dibayar elaun kehadiran mesyuarat sebanyak RM400.00 setiap kali menghadiri mesyuarat. Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa pula menerima elaun Pengerusi sebanyak RM500.00 setiap kali mereka mempengerusikan mesyuarat. Mulai bulan November 2008, Ahli Lembaga dan Ahli Panel Pelaburan menerima honorarium tetap sebanyak RM2,000.00 sebulan.

### **KOMUNIKASI DENGAN PEMEGANG KEPENTINGAN**

Lembaga mengakui ia perlu bersikap telus dengan pemegang kepentingan khususnya ahli. Semua maklumat yang perlu mereka ketahui serta perkembangan penting seperti liabiliti mencarum, pengeluaran dan manfaat, prosedur, saluran perkhidmatan baru serta perkara-perkara lain yang berkaitan sentiasa dimaklumkan kepada ahli dari semasa ke semasa. KWSP sebagai institusi pelaburan yang terbesar di Malaysia, seperti tahun yang sebelumnya, telah mengadakan sesi taklimat dengan syarikat-syarikat yang mana KWSP memegang saham yang besar. Pada tahun 2008, KWSP telah mengadakan 31 lawatan syarikat. KWSP juga telah menghadiri serta mengundi secara aktif dalam 175 Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa. Pada masa yang sama, KWSP telah membangkitkan beberapa isu serta telah membantah terhadap beberapa resolusi berkaitan dengan tadbir urus korporat, elaun pengarah, pemilihan pengarah, pemerolehan dan penggabungan, polisi dividen, pembelian semula saham dan skim pilihan saham pekerja. Seperti pada tahun 2007, KWSP terus memainkan peranan aktif sebagai pelabur portfolio dengan mengekalkan wakilnya dalam Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang tersenarai dan yang tidak tersenarai. Sehingga 31 Disember 2008, KWSP mempunyai wakilnya dalam Lembaga Pengarah 12 syarikat yang tersenarai.

### **PAYMENT OF HONORARIUM AND ATTENDANCE ALLOWANCE OF BOARD AND INVESTMENT PANEL MEMBERS**

*The Board members receive honorarium payment of RM1,400.00 and the alternate Board members receive an attendance allowance of RM400.00 for every meeting that they attended and RM250.00 for every committee meeting they attended. The Investment Panel members receive honorarium of RM1,000.00 while Investment Panel members who are also the Board Member receive attendance allowance of RM400.00 for every meeting that they attend. The Chairman of the Board Committees receives a Chairman allowance of RM500.00 for every meeting chaired. Since November 2008, the Board and investment panel members receive a monthly honorarium payment of RM2,000.00.*

### **COMMUNICATION WITH STAKEHOLDERS**

*The Board acknowledges the need to be transparent to its stakeholders particularly members. All major changes and material information such as changes in liability to contribute, withdrawals and benefits, procedures, new service delivery channels and other related matters are communicated to its members on a regular basis. As the biggest institutional investor in Malaysia, the EPF, as in the previous year, held dialogues with companies in which the EPF holds substantial stocks. In 2008, the Fund visited 31 companies. Beside this, the EPF also attended and voted actively in 175 Annual General Meetings (AGM) and Extraordinary Annual General Meetings (EGM) of these companies. The EPF also raised concerns and voted against a number of resolutions in the AGMs and EGMs of these companies including matters pertaining to corporate governance, directors remuneration, election of directors, mergers/acquisitions, dividend policy, share buy-back and employees share option scheme. As in 2007, the EPF continued with its approach of a more active portfolio investor by maintaining its nominees on the Board of listed and unlisted companies. As at 31 December 2008, the Board has nominees in 12 listed companies.*

## **KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN PENGAUDITAN**

KWSP sebagai sebuah badan berkanun adalah dikehendaki untuk mengemukakan akaunnya kepada Pejabat Ketua Audit Negara bagi tujuan pengauditan setiap tahun sebelum dibentangkan di Parlimen. Lembaga juga menentukan rekod perakaunan dinyatakan dengan ketepatan yang berpatutan mengenai kedudukan kewangan organisasi untuk memberi pandangan berhubung status KWSP setakat akhir tahun kewangan yang benar dan saksama berdasarkan piawai perakaunan yang diterima pakai. Berhubung dengan kawalan dalaman, Lembaga telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengelak dan mengesan penipuan dan penyelewengan. Antaranya ialah pewujudan Jabatan Pengurusan Risiko bertujuan membantu Pengurusan melaksanakan sistem kawalan dalaman yang berkesan. Pada masa yang sama, ia juga telah menyediakan rangka kerja tadbir urus risiko untuk membolehkan Pengurusan memantau fungsi-fungsi yang kritikal serta mengesan dan mengurangkan risiko yang terlibat untuk melaksanakan fungsi tersebut. Di peringkat ini, Lembaga berpendapat bahawa kawalan dalaman yang telah diwujudkan di KWSP adalah mantap dan berkesan. Bagaimanapun, kajian semula semua prosedur kawalannya akan diteruskan bagi memastikan keberkesanan dan kesempurnaan sistem yang sedia ada.

## **ACCOUNTABILITY AND AUDIT**

*As a statutory body, the EPF is required to submit its accounts to be audited by the Auditor General's Office every year before it is tabled at the Parliament. The Board also ensures that the accounting records disclosed with reasonable accuracy on the financial position of the organisation to give a true and fair view of the state of affairs of EPF at the end of the financial year based on applicable accounting standards. In connection with internal controls, the Board has taken necessary steps to prevent and detect fraud and other irregularities. This includes the establishment of a Risk Management Department to assist the Management in its effective implementation of an internal control system, providing a management framework and monitoring of critical areas, which is designed to identify and mitigate risks. At this juncture, the Board is of the view that the systems of internal controls being instituted throughout the organisation are sound and effective. Notwithstanding this, reviews of all existing control procedures will be continuously carried out to ensure the ongoing effectiveness and adequacy of the system.*

## PERNYATAAN KAWALAN DALAMAN STATEMENT ON INTERNAL CONTROL

- > **PENGURUSAN JUGA TERTAKLUK KEPADA GARIS PANDUAN POLISI DAN HAD PENURUNAN KUASA DALAM MELAKSANAKAN OPERASI HARIAN, PELABURAN, PEROLEHAN DAN PELUPUSAN ASET.**
- > **THERE ARE POLICY GUIDELINES AND DELEGATED AUTHORITY LIMITS IMPOSED ON MANAGEMENT IN RESPECT OF DAY-TO-DAY OPERATIONS, INVESTMENTS, ACQUISITIONS AND DISPOSAL OF ASSETS.**

### TANGGUNGJAWAB

Lembaga mengakui bahawa ia bertanggungjawab ke atas sistem kawalan dalaman dan rangka kerja pengurusan risiko operasi KWSP. Sistem kawalan dalaman tersebut dirangka untuk mengurus risiko dan bukan untuk menghapus semua risiko tidak mencapai dasar, matlamat dan objektif organisasi. Justeru, sistem kawalan dalaman hanya dapat memberikan jaminan keberkesanan yang munasabah dan bukan secara mutlak.

### CIRI-CIRI UTAMA KAWALAN DALAMAN

Ciri-ciri utama kawalan dalaman yang sedia ada di dalam KWSP adalah:

- Terma rujukan yang ditakrif dengan jelas, menggariskan peranan dan tanggungjawab semua jawatankuasa Lembaga dan Panel Pelaburan.
- Sebuah struktur organisasi yang mempunyai panduan yang jelas mengenai kebertanggungjawaban, penurunan kuasa dan tanggungjawab di semua peringkat urusan perniagaan organisasi. Pengurusan juga tertakluk kepada garis panduan polisi dan had penurunan kuasa dalam melaksanakan operasi harian, pelaburan, perolehan dan pelupusan aset.

### RESPONSIBILITY

*The Board acknowledges that it is responsible for the EPF's system of internal controls and operational risk management framework. The system of internal controls is designed to manage rather than to eliminate all risk of not achieving the organisation's policies, aims and objectives. It can, therefore, only provide reasonable and not absolute assurance of effectiveness.*

### KEY ELEMENTS OF INTERNAL CONTROL

*The key elements of internal controls that are in place in EPF are:*

- *Terms of reference that are clearly defined stating the role and responsibilities of all committees of the Board and Investment Panel.*
- *Organisational structure with clearly defined lines of accountability, delegation of responsibility and levels of authorisation for all aspects of the business. There are policy guidelines and delegated authority limits imposed on Management in respect of day-to-day operations, investments, acquisitions and disposal of assets.*



- Mesyuarat jawatankuasa pengurusan diadakan dari semasa ke semasa untuk mengenal pasti, membincang dan menyelesaikan isu-isu utama pengurusan, operasi, kewangan dan pelaburan. Lembaga dan Panel Pelaburan menerima dan mengkaji laporan daripada pengurusan dari semasa ke semasa. Terma rujukan Lembaga dan panel Pelaburan, serta jawatankuasa masing-masing bagi tahun ini dinyatakan dalam Penyata Tadbir Urus Korporat.
- Perancangan perniagaan dan belanjawan tahunan disediakan oleh unit-unit operasi, dikaji semula oleh jawatankuasa pengurusan yang berkaitan dan diluluskan oleh Lembaga. KWSP mempunyai proses perancangan perniagaan dan belanjawan tahunan terperinci dan rasmi yang mengambil kira objektif jangka pendek dan jangka sederhana organisasi.
- KWSP mempunyai garis panduan yang teratur mengenai pengambilan dan pemecatan kakitangan, program latihan kakitangan, penilaian prestasi tahunan dan prosedur-prosedur lain yang berkaitan bagi memastikan kakitangan berdaya saing dan dilatih secukupnya untuk menjalankan tanggungjawab mereka.
- Dasar dan prosedur yang didokumentasi bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman seperti pengasingan tugas, proses penyemakan dan pengesahan secara bebas serta kawalan capaian sistem, yang mana kesemuanya dikemaskini dari semasa ke semasa.
- Sebuah fungsi audit dalam yang menyediakan penilaian bebas terhadap kecukupan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman. Ini dicapai melalui kajian semula aktiviti utama perniagaan KWSP berdasarkan pelan audit dalam tahunan yang dibentangkan oleh Jabatan Audit Dalam kepada Jawatankuasa Audit Lembaga untuk diluluskan.
- *Management committee meetings are held on a regular basis to identify, discuss and resolve operational, financial, investment and key management issues. The Board and Investment Panel receive and review reports from management on a regular basis. The terms of reference of the Board and Investment Panel and their respective committees for the year are noted in the Statement on Corporate Governance.*
- *Annual business plans and annual budgets are prepared by the operating units, reviewed by the relevant management committees and approved by the Board. There is a detailed and formalised annual business and budget planning process in place that looks at both the immediate and medium-term objectives of the organisation.*
- *Proper guidelines within the organisation for hiring and termination of staff, formal staff training programmes, annual performance appraisals and other relevant procedures are in place to ensure that staff are competent and adequately trained in carrying out their responsibilities.*
- *Documented policies and procedures to ensure compliance with internal controls such as segregation of duties, independent checks and verification processes, system access controls and are updated from time to time.*
- *An internal audit function that provides an independent assessment on the adequacy and integrity of the system of internal controls. This is achieved through the review of key activities of EPF businesses based on the annual internal audit plan, which is presented by the Internal Audit Department to the Board Audit Committee for approval.*

RANCANGAN PERNIAGAAN TAHUNAN DAN BELANJAWAN TAHUNAN YANG DISEDIAKAN OLEH UNIT-UNIT OPERASI, DIKAJI SEMULA OLEH JAWATANKUASA PENGURUSAN YANG BERKAITAN DAN DILULUSKAN OLEH LEMBAGA.

*ANNUAL BUSINESS PLANS AND ANNUAL BUDGETS PREPARED BY THE OPERATING UNITS, REVIEWED BY THE RELEVANT MANAGEMENT COMMITTEES AND APPROVED BY THE BOARD.*



## PERNYATAAN KAWALAN DALAMAN STATEMENT ON INTERNAL CONTROL

- Dasar Keselamatan ICT yang didokumen, menggariskan dasar dan prosedur yang perlu untuk memastikan kerahsiaan, kewibawaan dan ketersediaan maklumat, data dan aplikasi di dalam organisasi.
- Fungsi pengurusan risiko operasi ('ORM') yang membantu Pengurusan dan pemilik risiko mengenal pasti, menilai dan mengkaji semula risiko-risiko penting serta menilai kecukupan kawalan dalaman untuk mengatasi risiko tersebut. Fungsi ORM turut membantu Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga mengawasi aktiviti pengurusan risiko KWSP. Pemilik risiko dan kawalan turut memberikan pengesahan digital berhubung dengan keberkesanan risiko dan kawalan milik mereka.
- Rancangan Kesenambungan Perniagaan ('BCP') diwujudkan bagi memastikan kesinambungan perniagaan jika berlaku gangguan yang ketara atau bencana.
- *A Documented ICT Security Policy, which outlines the necessary policies and procedures to ensure confidentiality, integrity and availability of information, data and application within the organisation.*
- *An operational risk management ('ORM') function that facilitates the Management and risk owners to identify, assess and review significant risks as well as assess the adequacy of internal controls to mitigate it. The ORM function also supports the Board Risk Management Committee in overseeing risk management activities of the EPF. Risks and controls owners also provide digital assurance on the effective management of risks and controls under their ownership.*
- *Business Continuity Plans ('BCP') are in place to ensure business continuity in case of significant upheavals or disaster.*

### PEMBANGUNAN MASA DEPAN

Sebagai sebahagian daripada usaha KWSP untuk mempertingkatkan kewibawaan dan ketelusan aktiviti pelaburannya, satu sistem pelaburan baru sedang dibangunkan untuk mengukuhkan lagi proses dan prosedur kerja pelaburannya. Sistem pelaburan baru tersebut akan dilaksanakan mengikut fasa dan dijangka akan disiapkan pada tahun 2009.

KWSP memberikan tumpuan paling utama terhadap peranan dan tanggungjawabnya sebagai pemegang amanah simpanan ahli. Selaras dengan usaha berterusan KWSP untuk mengukuh dan mempertingkatkan lagi infrastrukturnya pada masa kini bagi mencegah dan mengesan fraud dan aktiviti fraud, satu Pelan Pengurusan Kawalan Fraud bersepadu akan dilaksanakan sepenuhnya menjelang pertengahan tahun 2009.

### FUTURE DEVELOPMENTS

*As part of the EPF's effort to enhance the integrity and transparency of its investment activities, a new investment system is under development to further strengthen its investment work processes and procedures. The new investment system will be implemented in phases and is anticipated to be completed in 2009.*

*The EPF places paramount importance on its role and responsibilities as the trustee of members' savings. In line with EPF's continuous effort to further strengthen and enhance its current infrastructure to prevent and detect fraud and fraudulent activities, an integrated fraud control management plan will be fully implemented by mid 2009.*

KWSP MEMBERI TUMPUAN PALING UTAMA TERHADAP PERANAN DAN TANGGUNGJAWABNYA SEBAGAI PEMEGANG AMANAH SIMPANAN AHLI.

*THE EPF PLACES PARAMOUNT IMPORTANCE ON ITS ROLE AND RESPONSIBILITIES THE TRUSTEE OF MEMBERS' SAVINGS.*

#### **KESIMPULAN**

Lembaga yakin bahawa sistem kawalan dalaman KWSP adalah mantap dan mencukupi untuk melindungi kepentingan ahli. Kajian semula oleh Lembaga terhadap keberkesanan sistem kawalan dalaman disokong oleh:

- Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga yang bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun untuk mengawasi aktiviti pengurusan risiko KWSP;
- Jawatankuasa Audit Lembaga yang bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun dan mengkaji semula penemuan dan perakuan yang dikemukakan oleh juruaudit dalam dan Pejabat Ketua Audit Negara; dan
- Pejabat Ketua Audit Negara yang memberi sijil audit tahunan kepada akaun kewangan dan laporan pengurusan.

Penyata ini disediakan selaras dengan resolusi ahli Lembaga bertarikh 23 Mac 2009.

#### **CONCLUSION**

*The Board is assured that the system of internal controls in place within EPF is sound and sufficient to safeguard the interests of members. The Board's review of the effectiveness of the system of internal controls is supported by:*

- *The Board Risk Management Committee which meets at the minimum four times a year to oversee risk management activities of EPF;*
- *The Board Audit Committee which meets at the minimum four times a year and reviews the findings and recommendations of the internal auditor and the Auditor General's Office; and*
- *The Auditor General's Office, which gives the annual audit certificate on the financial accounts and management reports.*

*This statement is made in accordance with the resolution of the members of the Board dated 23 March 2009.*



## PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

### TANGGUNGJAWAB

Berdasarkan Seksyen 18(1) Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991, Panel Pelaburan bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berkaitan pelaburan KWSP dan menggalas tanggungjawab terhadap Rangka Kerja Pengurusan Risiko Pelaburan. Rangka kerja tersebut diwujudkan untuk mengurus, bukan menghapuskan risiko salah nyata atau kerugian dalam melaksanakan dasar, matlamat dan objektif pelaburan. Justeru, rangka kerja tersebut hanya boleh menyediakan jaminan yang munasabah dan bukan jaminan secara mutlak.

### RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO PELABURAN

KWSP telah mewujudkan satu rangka kerja pengurusan risiko pelaburan yang meliputi struktur tadbir urus risiko, dasar dan proses berkaitan risiko, peruntukan modal risiko dan pengukuran risiko. Rangka kerja tersebut dikaji semula dari semasa ke semasa sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mempertingkatkan pengurusan risiko di KWSP.

### RESPONSIBILITY

*In accordance with Section 18(1) of the Employees Provident Fund Act 1991, the Investment Panel is responsible for matters pertaining to the investments of the Fund and it acknowledges responsibility for the investment risk management framework. The framework is designed to manage rather than to eliminate the risk of misstatement or loss in carrying out the organisation's investment policies, aims and objectives. It can, therefore, only provide reasonable and not absolute assurance of effectiveness.*

### INVESTMENT RISK MANAGEMENT FRAMEWORK

*EPF has put in place an investment risk management framework covering risk governance structure, risk policies and processes, risk capital allocation and risk measurement. The framework is regularly reviewed as part of the continuous effort to enhance risk management in EPF.*



## STRUKTUR PENGURUSAN RISIKO

- Panel Pelaburan, menerusi Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan, bertanggungjawab untuk mengawasi aspek-aspek pengurusan risiko dalam keputusan pelaburan yang dibuat oleh KWSP;
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab memantau dan mengkaji semula aktiviti pengurusan risiko dan membantu Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan; dan
- Jabatan Pengurusan Risiko membantu pihak Pengurusan dan Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan dengan menyediakan ukuran, pemantauan dan laporan bebas bagi pendedahan risiko pelaburan KWSP.

## KAWALAN RISIKO

Seperti yang telah diluluskan oleh Panel Pelaburan, Pernyataan Tahap Risiko menggariskan secara umum tahap risiko yang boleh diterima oleh KWSP dan menjadi asas bagi peruntukan dana untuk pelaburan. Kajian semula terhadap peruntukan aset dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan supaya dana dilaburkan selaras dengan tahap risiko KWSP.

Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan telah menyediakan pelbagai dasar dan had bagi memastikan penetapan tahap risiko yang berpatutan bagi setiap kelas aset. Di samping itu, bagi menyokong dasar dan had tersebut, Sistem Risiko dan Atributasi Prestasi, Model Portfolio Kredit dan Kaedah Penarafan Korporat telah dilaksanakan dan dipertingkatkan secara berterusan bagi memastikan supaya risiko diukur secara sistematik.

## RISK MANAGEMENT STRUCTURE

- *The Investment Panel through Investment Panel Risk Committee is responsible for overseeing risk management in making EPF's investment decisions;*
- *The Management Risk Committee, chaired by the Chief Executive Officer, is responsible for monitoring and reviewing risk management activities and supports the Investment Panel Risk Committee; and*
- *The Risk Management Department supports the Management and the Investment Panel Risk Committee by providing independent measurement, monitoring and reporting of EPF's investment risk exposures.*

## RISK CONTROLS

*The Risk Appetite Statements, as approved by the Investment Panel, broadly outline the level of risks that EPF is willing to tolerate and form the basis of funds allocation for investment. A review on asset allocation is regularly conducted to ensure funds are invested within EPF's risk appetite.*

*The Investment Panel Risk Committee has put in place various policies and limits to ensure the appropriate amount of risks are assigned to each asset class. To complement the policies and limits, Risk and Performance Attribution Systems, Credit Portfolio Model and Corporate Rating are installed and continuously enhanced to ensure the risks are systematically measured.*

“JAWATANKUASA RISIKO PANEL PELABURAN TELAH MENYEDIAKAN PELBAGAI DASAR DAN HAD BAGI MEMASTIKAN PENETAPAN TAHAP RISIKO YANG BERPATUTAN BAGI SETIAP KELAS ASET.”

“THE INVESTMENT PANEL RISK COMMITTEE HAS PUT IN PLACE VARIOUS POLICIES AND LIMITS TO ENSURE THE APPROPRIATE AMOUNT OF RISKS ARE ASSIGNED TO EACH ASSET CLASS.”



## PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

Panel Pelaburan, menerusi Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan mengkaji semula dari semasa ke semasa pengukuran risiko, alokasi modal risiko, polisi-polisi berkaitan risiko, semua proses dan had bagi memastikan keberkesanan yang berterusan.

### KESIMPULAN

Panel Pelaburan yakin bahawa amalan pengurusan risiko pelaburan di KWSP adalah mantap dan memadai untuk melindungi pelaburan KWSP. Hasil kajian semula Panel Pelaburan terhadap keberkesanan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Pelaburan disokong oleh Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan yang bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun untuk mengkaji semula risiko dan laporan pematuhan daripada pihak pengurusan.

Pernyataan ini disediakan selaras dengan resolusi semua ahli Panel Pelaburan bertarikh 16 Mac 2009.

*The Investment Panel through the Investment Panel Risk Committee regularly reviews the risk measurement, risk capital allocation, risk policies, processes and limits to ensure their continued effectiveness.*

### CONCLUSION

*The Investment Panel is confident that the investment risk management practices in place within EPF are sound and sufficient to safeguard the investments of the EPF. The Investment Panel's review of the effectiveness of the investment risk management framework is supported by the Investment Panel Risk Committee, which meets at the minimum four times a year and reviews risk and compliance reports from the management.*

*The statement is made in accordance with the resolution of the members of the Investment Panel dated 16 March 2009.*

# PENGURUSAN RISIKO DI KWSP

## RISK MANAGEMENT IN EPF

### PENGURUSAN RISIKO

#### GAMBARAN UMUM

Untuk mencapai misinya, KWSP perlu mengurus pelbagai bentuk risiko daripada persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah, termasuk risiko strategik, risiko kredit, risiko pasaran, risiko kecairan dan risiko operasi.

Kekuatan utama KWSP adalah berasaskan budaya pengurusan risikonya yang berhemah di mana proses dan struktur yang dirangka bertujuan untuk mencapai pengurusan yang berkesan dari segi peluang-peluang yang berpotensi dan kesan negatif. KWSP berhasrat untuk memiliki budaya risiko dan pematuhan yang mantap dengan bantuan rangka kerja pengurusan risiko yang bersepadu.

KWSP menjalankan usaha berterusan untuk mengekalkan budaya kesedaran risiko yang diterapkan melalui latihan, polisi, prosedur, struktur organisasi dan peranan serta tanggungjawab yang ditakrif dengan sewajarnya.

### RISK MANAGEMENT

#### OVERVIEW

*In order for EPF to achieve its mission, it has to manage the various risks posed by the ever-changing business environment and these risks include strategic risk, credit risk, market risk, liquidity risk and operational risk.*

*The key strength of EPF lies in its prudent risk management culture whereby processes and structures are directed towards the effective management of potential opportunities and adverse effects. EPF aims to have a robust risk and compliance culture, supported by an integrated risk management framework.*

*EPF continuously carry out enterprise-wide efforts to maintain its risk conscious culture, which is instilled through training, policies, procedures, organisational structure, and properly defined roles and responsibilities.*

### STRUKTUR PENGURUSAN RISIKO/RISK MANAGEMENT STRUCTURE

1. Kementerian Kewangan/Ministry of Finance		
Mewujudkan polisi risiko/ <i>Establishment of risk policy</i>	2. Panel Pelaburan/ <i>Investment Panel</i> 3. Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan/ <i>Investment Panel Risk Committee</i>	2. Lembaga Pengarah/ <i>Board of Directors</i> 3. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga/ <i>Board Risk Management Committee</i>
Memastikan pelaksanaan dasar risiko dan pematuhan/ <i>Ensure risk policy implementation and compliance</i>	4. Jawatankuasa-Jawatankuasa- Khas/ <i>Dedicated Committee</i> - Jawatankuasa Risiko Pengurusan/ <i>Management Risk Committee</i> - Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi/ <i>Management Operations Risk Committee</i> - Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan/ <i>Management Investment Committee</i> 5. Fungsi Pengurusan Risiko dan Pematuhan Bebas/ <i>Independent Risk Management and Compliance Functions</i> - Jabatan Pengurusan Risiko/ <i>Risk Management Department</i> - Bahagian Pembayaran & Pematuhan/ <i>Settlement &amp; Compliance Section</i>	7. Jawatankuasa Audit Lembaga – dibantu oleh Jabatan Audit Dalam/ <i>Board Audit Committee – supported by Internal Audit Department</i>
Pelaksanaan dan pematuhan polisi risiko/ <i>Risk policy implementation and compliance</i>	6. Unit-unit Risiko Perniagaan/ <i>Business Risk Units</i> - Bahagian Pelaburan/ <i>Investment Division</i> - Bahagian Operasi/ <i>Operations Division</i> - Bahagian Pembangunan Organisasi/ <i>Organisational Development Division</i> - Jabatan Pengurusan Sumber Manusia/ <i>Human Resource Management Department</i> - Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP (ESSET)/ <i>EPF Social Security Training Institute (ESSET)</i>	

## PENGURUSAN RISIKO DI KWSP RISK MANAGEMENT IN EPF

Struktur pengurusan risiko KWSP menampilkan tanggungjawab dan akauntabiliti yang jelas terhadap proses pengurusan risiko, yang menggariskan tanggungjawab utama berkenaan risiko dan kawalan:

1. **Kementerian Kewangan:**  
Kementerian Kewangan bertanggungjawab melantik ahli Lembaga dan Panel Pelaburan.
2. **Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan:**
  - **Lembaga Pengarah** (Lembaga) bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko secara keseluruhan yang memerlukan Lembaga mengenal pasti risiko-risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem yang sesuai untuk mengurus risiko tersebut; manakala
  - **Panel Pelaburan** adalah bertanggungjawab terhadap risiko dalam membuat keputusan pelaburan.
3. **Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga dan Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan:**
  - **Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga** (JPRL) bertanggungjawab membantu Lembaga mengawasi semua aktiviti pengurusan risiko (kecuali aktiviti-aktiviti berkaitan keputusan pelaburan); mengkaji semula risiko utama yang wujud dalam organisasi dan sistem kawalan dalaman yang perlu untuk menguruskannya; dan melaporkan setiap penemuan kepada Lembaga.
  - **Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan** (JRPP) bertanggungjawab mengawasi risiko pelaburan, termasuk mencadangkan tahap risiko agregat untuk kelulusan Panel Pelaburan; meluluskan polisi dan had-had pengurusan risiko; mengkaji pendedahan risiko; dan memimpin ke arah penerapan budaya risiko di dalam fungsi pelaburan.
4. **Jawatankuasa-jawatankuasa Berkaitan**
  - **Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi** (JPRO) adalah jawatankuasa operasi yang dibentuk oleh Pengurusan untuk mengawasi proses Pengurusan Risiko Operasi KWSP. Ahli-ahlinya terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif (KPE), Timbalan KPE, Ketua Jabatan Pengurusan Risiko, Ketua Jabatan Audit Dalam dan Ketua-ketua Jabatan yang berkaitan.

*EPF's risk management structure provides clear responsibility and accountability for the risk management process, which outlines the principal risk management and control responsibilities:*

1. **The Ministry of Finance:**  
*The Ministry of Finance appoints the members of the Board and the Investment Panel.*
2. **The Board of Directors and the Investment Panel:**
  - **The Board of Directors** (the Board) is responsible for the overall risk management, which requires the Board to identify principal risks and ensure the implementation of appropriate systems to manage these risks; whereas
  - **The Investment Panel** is responsible for the risks in making investment decisions.
3. **The Board Risk Management Committee and Investment Panel Risk Committee:**
  - **The Board Risk Management Committee** (BRMC) is responsible to assist the Board in overseeing all risk management activities except for activities in making investment decisions, reviewing the key risks inherent in the organisation and the system of internal control necessary to manage them and reporting its findings to the Board.
  - **The Investment Panel Risk Committee** (IPRC) is responsible for investment risk oversight, which includes recommending the aggregate risk appetite for Investment Panel sign-off, approving risk management policies and limits, reviewing risk exposures and provide direction for creating a practicing risk culture within the investment function.
4. **Dedicated Committees**
  - **The Management Operations Risk Committee** (MORC) is an operational committee set up by Management to oversee the Operational Risk Management (ORM) process of EPF. Its members consist of the Chief Executive Officer (CEO), the Deputy CEOs, Head of Risk Management, Head of Internal Audit and relevant Heads of Department.

- **Jawatankuasa Risiko Pengurusan** (JRP) adalah jawatankuasa peringkat pengurusan yang bertanggungjawab merangka polisi dan had risiko yang sesuai untuk menguruskan risiko pelaburan KWSP. Ahli-ahlinya terdiri daripada KPE, Timbalan KPE, Ketua Jabatan Pengurusan Risiko, Ketua Jabatan Audit Dalam dan Ketua Jabatan Kuantitatif dan Analisa Prestasi.
  - **Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan** (JPP) adalah jawatankuasa peringkat pengurusan yang bertanggungjawab menilai prestasi pelaburan mengikut kelas aset serta mencadangkan strategi pelaburan yang sesuai. JPP juga bertanggungjawab melaksanakan pelaburan yang telah diluluskan.
5. Fungsi bebas pengurusan risiko dan pematuhan dijalankan oleh **Jabatan Pengurusan Risiko** (JPR) dan **Seksyen Penjelasan dan Pematuhan** yang bertanggungjawab memastikan polisi risiko dilaksanakan dan dipatuhi. JPR juga bertanggungjawab membangunkan proses-proses mengenal pasti, mengukur dan memantau risiko.
  6. Unit-unit risiko perniagaan adalah menjadi barisan pertahanan hadapan menangani risiko di mana ia mengenal pasti dan menguruskannya. Ia perlu memastikan tugas-tugas harian yang dijalankan mematuhi polisi, prosedur dan had yang telah ditetapkan. Setiap anggota adalah bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko yang berkesan di dalam tugas masing-masing termasuklah mengenal pasti kemungkinan berlakunya risiko. Ini bertujuan menyemai budaya risiko di setiap sistem dan proses perniagaan yang kritikal sebelum berlaku perkara-perkara yang menjejaskan tercapainya objektif organisasi.
  7. **Jawatankuasa Audit Lembaga**, dengan dibantu oleh Jabatan Audit Dalam bertanggungjawab melaksanakan fungsi penilaian bebas terhadap kecukupan dan kemantapan sistem kawalan dalaman dan pematuhan terhadap polisi dan peraturan yang telah ditetapkan.
- **Management Risk Committee** (MRC) is a management-level committee responsible for developing the risk policy and limit appropriate in managing the investment risk of EPF. Its members consist of the CEO, the Deputy CEOs, Head of Risk Management, Head of Internal Audit and Head of Quantitative and Performance Analysis.
  - **Management Investment Committee** (MIC) is a management-level committee responsible for evaluating the performance of investment according to asset class, recommending investment strategies and proposals. MIC is also responsible for implementation of approved investments.
5. The dedicated independent risk management and compliance functions, namely, **Risk Management Department** (RMD) and **Settlement and Compliance Section**, are responsible to ensure risk policies are implemented and in compliance. RMD is also responsible for developing the processes to identify, measure and monitor risks.
  6. **The Business Risk Units** being the first line of defense against risks are responsible for identifying, mitigating and managing risks within their lines of business. They are to ensure that their day-to-day business activities are carried out within the established risk policies, procedures and limits. Every staff member is responsible for the effective management of risks in his respective areas including the identification of potential risks. The aim is to embed risk management in all critical business systems and processes before risk events occur that may affect achievement of objectives.
  7. **The Board Audit Committee's**, supported by Internal Audit Department, is to provide an independent assessment of the adequacy and reliability of the system of internal controls, and compliance with policies and regulatory requirements.

# PENGURUSAN RISIKO DI KWSP RISK MANAGEMENT IN EPF

## POLISI

Fokus Pengurusan Risiko Pelaburan adalah untuk membantu proses pelaburan di KWSP dan memastikan tadbir urus risiko yang betul dipraktikkan dalam membuat keputusan pelaburan.

Pengurusan Risiko Pelaburan memberikan gambaran yang terperinci berkenaan dengan profil risiko portfolio pelaburan KWSP. Dengan ini KWSP dapat mengoptimumkan pulangan daripada pelaburannya setelah mengambilkira faktor-faktor risiko. Pengurusan Risiko Pelaburan juga membolehkan KWSP mengambil pendekatan yang sama dalam mengenalpasti, mengukur, memantau dan menguruskan risiko portfolionya.


Rangka kerja tadbir urus risiko dipaparkan di dalam carta berikut.

## POLICY

The focus of the Investment Risk Management is to support the investment processes of EPF and to ensure that proper risk governance is in place with regards to investment decision making.

Investment Risk Management provides a holistic view of the risk profile of EPF's investment portfolio. This will ensure EPF optimises return on risk taking activities within its risk tolerance. Investment Risk Management also enables EPF to have a common approach to identify, measure, monitor and manage its portfolio risks.

The risk governance framework is illustrated in the following chart.



## METODOLOGI DAN PROSES PENGURUSAN RISIKO PELABURAN

### PENGURUSAN RISIKO PASARAN

Risiko pasaran adalah risiko kerugian daripada perubahan dalam nilai portfolio dan instrumen kewangan disebabkan oleh perubahan pembolehubah pasaran seperti kadar faedah, kadar tukaran wang asing dan harga ekuiti.

Objektif utama pengurusan risiko pasaran adalah untuk memastikan kerugian risiko pasaran boleh dikawal dan kedudukan risiko mempunyai kecairan yang mencukupi bagi membolehkan KWSP mengurangkan kerugian yang bakal ditanggung jika ia melebihi tahap risiko yang telah ditetapkan.

Pengurusan risiko pasaran menggunakan pendekatan Nilai Berisiko (Value at Risk – VaR). VaR adalah ukuran statistik yang membuat jangkaan kepada potensi perubahan dalam nilai portfolio yang mungkin wujud akibat daripada perubahan kadar pasaran pada tempoh pegangan tertentu dengan tahap keyakinan yang telah ditetapkan di dalam keadaan pasaran yang normal. Untuk menggunakan kaedah ini KWSP telah mengadakan satu set analisis senario di dalam pelbagai situasi pasaran.

#### Kaedah Pengukuran Risiko Pasaran

- Nilai Berisiko (VaR), satu anggaran nilai pasaran yang boleh ditanggung kerugiannya oleh satu portfolio dalam tempoh tertentu dengan kemungkinan-kemungkinan yang telah ditetapkan. Kaedah ini menggunakan Simulasi Monte Carlo dengan tahap keyakinan 99 peratus untuk memberikan pengurus portfolio satu ukuran dalam menilai setakat mana berisikonya portfolio mereka.
- Tempoh masa adalah satu ukuran linear risiko peratus peningkatan/penurunan kepada nilai bon untuk 1 peratus kejatuhan/kenaikan dalam hasil yang diperoleh daripada bon tersebut.
- 'Tracking Error' merujuk kepada sisihan piawai kepada pulangan sesuatu portfolio berbanding penanda aras.
- Satu kaedah lain untuk menguji risiko sesuatu portfolio dalam keadaan sukar ialah analisis simulasi dengan menggunakan ujian tekanan. Ujian ini menetapkan parameter seperti korelasi, volatiliti dan pulangan pada nilai yang berbeza dan melihat bagaimana risiko sesuatu portfolio berubah.
- Ujian 'back-testing' dilakukan secara berkala untuk mengukur tahap kualiti dan ketepatan sistem pengurusan risiko.

## METHODOLOGY AND PROCESS OF THE INVESTMENT RISK MANAGEMENT

### MARKET RISK MANAGEMENT

*Market risk is the risk of loss from changes in the value of portfolios and financial instruments caused by movements in market variables, such as interest rates, foreign exchange rates and equity prices.*

*The primary objective of market risk management is to ensure that losses from market risk can be promptly arrested, and risk positions are sufficiently liquid, to enable EPF to reduce its position without incurring potential loss that is beyond the EPF's risk appetite.*

*The market risk is managed using value at risk approach. Value at risk (VaR) is a statistical measure that estimates the potential changes in portfolio value that may occur due to daily changes in market rates over a specified holding period at a specified confidence level under normal market condition. To complement value at risk measurement, EPF has also instituted a set of scenario analysis under various potential market conditions.*

#### Market Risk Tools

- *Value at risk (VaR), which is an estimation of the amount of market value that a portfolio can lose over a certain time horizon with a given probability. The Monte Carlo Simulation with the confidence level of 99 percent is used to calculate VaR to provide the portfolio managers a gauge to measure the riskiness of their portfolios.*
- *Duration, which is a linear measure of risk for a bond to define the percentage increase/decrease in the bond's value for a 1 percent fall/rise in the bond's yield.*
- *Tracking error refers to the standard deviation of the portfolio's excess returns relative to a benchmark.*
- *Simulation analysis, including stress test is another method of examining portfolio risk in extreme situations. Stress testing involves setting parameters such as correlation, volatility and returns at different values and assessing how the portfolio's risk will change.*
- *Regular back-testing are conducted to gauge the quality and accuracy of the risk management system.*



# PENGURUSAN RISIKO DI KWSP RISK MANAGEMENT IN EPF

## PENGURUSAN RISIKO KREDIT

Risiko kredit ialah risiko kerugian yang ditanggung akibat daripada kegagalan atau keengganan pihak ketiga yang berurusan untuk menyelesaikan tanggungjawab kewangannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada aktiviti pinjaman, 'hedging', urusniaga dan pelaburan.

Objektif utama pengurusan risiko kredit ialah memastikan pendedahan kepada risiko dihadkan setakat kemampuan dan kapasiti kewangan KWSP untuk mengelakkan kerugian di masa hadapan.

Fungsi risiko kredit adalah bertanggungjawab terhadap metodologi, pengiraan dan laporan dengan menggunakan Nilai Berisiko Kredit. Ia juga membangunkan dan menyelenggara Model Portfolio Kredit dan Kaedah Penarafan Korporat di samping bekerjasama dengan Jabatan Pembiayaan Korporat dalam hal berkaitan transaksi kredit.

### Kaedah Pengukuran Risiko Kredit

- Model Portfolio Kredit digunakan untuk menilai tahap kualiti kredit sesuatu portfolio.
- Kaedah Penarafan Korporat memberikan kadaran risiko dalaman berstatistik untuk peminjam korporat. Templat ini sejajar dengan model kadaran terbaik yang diamalkan oleh institusi kewangan.

## PENGURUSAN RISIKO KECAIRAN

Risiko kecairan merujuk kepada ketidakmampuan untuk memenuhi komitmen dan obligasi kewangan apabila sampai tempoh. KWSP sentiasa mengekalkan tahap kecairan aset yang secukupnya dalam bentuk tunai dan deposit dalam institusi kewangan bagi memenuhi pengeluaran ahli dan komitmen kewangan yang lain.

## PEMANTAUAN DAN KAJIAN SEMULA PENGURUSAN RISIKO PELABURAN

Panel Pelaburan, melalui Pernyataan Tahap Risiko, menetapkan tahap risiko yang boleh diambil oleh KWSP dan ia menjadi asas kepada alokasi dana pelaburan. Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan (JRPP) mengawasi pengurusan risiko pelaburan dan mengkaji semula risiko dalam portfolio pelaburan KWSP.

## CREDIT RISK MANAGEMENT

*Credit risk is the risk of loss due to the inability or unwillingness of a counterparty to meet its payment obligations. Exposure to credit risk arises through lending, hedging, trading and investing activities.*

*The primary objective of credit risk management is to ensure that exposure to credit risk is always kept within EPF's capability and financial capacity to withstand potential future losses.*

*The credit risk function is responsible for the methodology, calculation and reporting of credit risk measures using Credit VaR. It also maintains and develops the EPF's Credit Portfolio Model and Corporate Rating Methodology and works closely with Debt Capital Market Department on credit transactions.*

### Credit Risk Tools

- *Credit Portfolio Modelling to assess the credit quality of the portfolio*
- *Corporate Rating Methodology provides a statistically based internal risk rating for corporate borrowers and is consistent with best practice rating models of financial institutions.*

## LIQUIDITY RISK MANAGEMENT

*Liquidity risk relates to the inability to meet financial commitments and obligations when they fall due. EPF maintains adequate levels of liquid assets in the form of cash and placements in financial institutions in order to meet members' withdrawals and other financial commitments and obligations.*

## MONITORING AND REVIEW OF INVESTMENT RISK MANAGEMENT

*The Investment Panel through the Risk Appetite Statements defines the level of risks that EPF is willing to tolerate and this forms the basis of investment funds allocation. The Investment Panel Risk Committee (IPRC) provides oversight on the investment risk management and reviews risks in EPF's investment portfolio.*

Jawatankuasa Risiko Pengurusan (JRP), mengkaji semula laporan-laporan risiko portfolio dalam mengenal pasti sumber risiko utama dalam semua kelas aset. Berdasarkan kepada laporan tersebut, JRP memantau konsentrasi risiko keseluruhan dan menentukan tindakan sewajarnya yang perlu diambil. JRP turut menilai keputusan ujian tekanan dan analisis senario, serta implikasinya terhadap risiko portfolio.

Kajian semula terhadap rangka kerja risiko pelaburan, polisi, metodologi dan kaedah-kaedah dibuat dari semasa ke semasa dalam memastikan keberkesanan dan kemantapannya.

## PENGURUSAN RISIKO OPERASI

### POLISI

Risiko operasi adalah risiko kerugian yang terhasil daripada ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, sumber manusia atau sistem atau peristiwa luaran.

Pengurusan Risiko Operasi (PRO) digunakan untuk menyokong dan mempertingkatkan aktiviti dalam semua bidang bagi memastikan bahawa ia adalah sebahagian dalam proses membuat keputusan dan budaya korporat KWSP.

Pendekatan PRO yang tersusun dan konsisten diguna pakai untuk menyelaraskan strategi, dasar, proses, sumber manusia, teknologi dan pengetahuan untuk tujuan menilai dan mengurus ketidakpastian. Ini turut membantu menambah nilai bagi melindungi kedudukan kewangan dan reputasi KWSP serta mengoptimalkan perkhidmatan kepada ahli.

KWSP sentiasa berusaha untuk memupuk budaya pengurusan risiko di kalangan kakitangannya melalui pendidikan pengurusan risiko dan pelaksanaan kawalan dan prosedur. Pada tahun 2008, sebanyak 97 sesi latihan risiko telah diadakan untuk meningkatkan kesedaran risiko dan kemampuan PRO serta untuk menerapkan budaya pengurusan risiko di KWSP.

*Management Risk Committee (MRC) in its meetings reviews portfolio risk reports to identify key sources of risk across all asset classes. Based on the risk reports, MRC monitors large risk concentrations and determines appropriate action to be taken. MRC also evaluates stress tests and scenario analyses results, and its implications on portfolio risk.*

*Investment risk framework, policy, methodology and tools are regularly reviewed and enhanced to ensure their continued effectiveness.*

## OPERATIONAL RISK MANAGEMENT

### POLICY

*Operational risk is the risk of loss resulting from inadequate or failed internal processes, people or systems, or from external events.*

*Operational Risk Management (ORM) is used to support and enhance activities in all areas to ensure it is an integral part of the decision-making processes and corporate culture.*

*A structured and consistent ORM approach is adopted to align strategy, policy, processes, people, technology and knowledge for the purpose of evaluating and managing the uncertainties in creating value to protect EPF financial standing and reputation, and optimise services to members.*

*EPF continuously strive to embed a risk practicing culture among its staff through risk education, and implementation of controls and procedures. In 2008 a total of 97 risk coaching sessions were held to increase risk consciousness and ORM capability and to embed a risk practicing culture.*


# PENGURUSAN RISIKO DI KWSP RISK MANAGEMENT IN EPF

KAEDAH DAN PROSES PENGURUSAN RISIKO OPERASI

METHODOLOGY AND PROCESS OF THE OPERATIONAL RISK MANAGEMENT

KAD SKOR RISIKO KORPORAT

CORPORATE RISK SCORECARD (CRS)



Source: ASN/NZS 4360:2004 Risk Management

Metodologi Kad Skor Risiko Korporat (CRS) adalah satu pendekatan pengurusan risiko yang konsisten dengan piawaian Australia/New Zealand yang diguna pakai dalam pelaksanaan ORM.

The Corporate Risk Scorecard (CRS) methodology, a risk management approach consistent with the Australian/New Zealand standard on Risk Management, is adopted in the implementation of ORM.

**PROSES KAD SKOR RISIKO/CORPORATE RISK SCORECARD PROCESS**

Tidak Boleh Kawal/ <i>Inherent</i>	Kemungkinan/ <i>Possibility</i>	<b>Risiko/Risk</b>	
Boleh Kawal/ <i>Controllable</i>	Impak/ <i>Impact</i>		

Skor Risiko/ <i>Risk Scoring</i>						
Kemungkinan/ <i>Possibility</i>	5	6	7	8	9	10
4	5	6	7	8	9	
3	4	5	6	7	8	
2	3	4	5	6	7	
1	2	3	4	5	6	
	1	2	3	4	5	
	Impak/ <i>Impact</i>					

Sumber Risiko/ <i>Sources of Risk</i>		
<ul style="list-style-type: none"> <li>Luaran/<i>External</i></li> <li>Peraturan &amp; Kaedah/<i>Regulator</i></li> <li>Undang-undang/<i>Legal</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tadbir Urus Korporat/<i>Corporate Governance</i></li> <li>Kewangan/<i>Financial</i></li> <li>Pelanggan/<i>Customers</i></li> <li>Produk &amp; Perkhidmatan/<i>Product &amp; Services</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembekal/<i>Suppliers</i></li> <li>Operasi/<i>Operations</i></li> <li>Modal Insan/<i>Human Capital</i></li> </ul>

Kadaran Kasar/ <i>Gross Rating</i>	Keberkesanan Kawalan/ <i>Control Effectiveness</i>	Kadaran Bersih/ <i>Nett Rating</i>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebab dan Akibat/<i>Causes and Consequences</i></li> <li>Senario Paling Teruk/<i>Worse Case Scenario</i></li> <li>Tiada Kawalan atau Kawalan Tidak Berkesan Langsung/<i>No Control or Controls Totally Ineffective</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengurangkan Sebab Kawalan Pencegahan dan Kawalan/<i>Reduce Cause Preventive and Detective Controls</i></li> <li>Mengurangkan Akibat Kawalan Pengesanan dan Pembetulan/<i>Reduce Consequence Detective and Corrective Controls</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Selepas Mengambil kira Keberkesanan Kawalan/<i>After Taking in Consideration Controls Effectiveness</i></li> </ul>

**Pemilik Kadskor Risiko/  
*Risk Scorecard***

— Pemilik Risiko/*Risk Owner* — Pemilik Risiko/*Risk Owner* — Pemilik Risiko/*Risk Owner*

— Pemilik Kawalan/  
*Control Owners* —

— Pemilik MAP/  
*MAPs Owners* —

Risiko diberi skor, menggunakan jadual Kemungkinan dan Impak yang telah ditentukan terlebih dahulu. Selepas mengenal pasti kawalan dan menilai keberkesanan kawalan, Kadaran Risiko Bersih dapat ditentukan. Kadaran Risiko Bersih dipantau berbanding dengan kadaran Sasaran Risiko untuk mengesan jurang perbezaan. Kadaran Sasaran Risiko adalah penanda aras bagi semua unit perniagaan/pengurus untuk mengurus pendedahan risiko bagi meminimakan kerugian.

Maklumat profil risiko direkodkan di dalam kad skor risiko berkomputer dalam sistem ORM. Akses kepada sistem ORM diberikan secara menyeluruh kepada semua 'pemilik' kad skor risiko, risiko, kawalan dan plan pengurusan bagi membolehkan mereka membuat Penilaian Sendiri Risiko dan Kawalan. 'Pemilik' boleh mengakses, melihat dan mengemas kini risiko, kawalan dan plan pengurusan mereka melalui papan pemuka peribadi mereka sendiri. Pada masa ini, terdapat 102 kad skor risiko dibangunkan untuk jabatan, seksyen dan cawangan.

#### **PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN (BUSINESS CONTINUITY MANAGEMENT – BCM)**

Program BCM ditanda aras bersandarkan kepada piawaian dan garis panduan BCM yang terkenal sebagai asas untuk memahami, membangunkan dan melaksanakan kesinambungan perniagaan. Ia turut membolehkan pelaksanaan program BCM diukur secara konsisten dan dipraktikkan.

*Risks are assigned numerical values, using predetermined Possibility and Impact Rating tables. Actual controls/mitigating strategies are identified, and on evaluating the effectiveness of the existing controls to manage the risk, the Nett Risk rating is determined. The Nett Risk ratings are monitored against Risk Target ratings for gaps. The Risk Target ratings set the benchmark for all business units/managers for managing risk exposures to minimise losses.*

*The risk profile information is kept in risk scorecards in a computerised ORM system. Access to the ORM system is provided enterprise wide to all risk scorecards, risks, controls and action plans "owners" to facilitate them in practicing Risk and Control Self-Assessment (RCSA). "Owners" could access, view and update their risks, controls and action plans through their personal dashboards. Currently, there are 102 risk scorecards developed for departments, sections and branches.*


#### **BUSINESS CONTINUITY MANAGEMENT (BCM)**

*The BCM program is benchmarked against renowned BCM standards and guidelines as a basis for understanding, developing and implementing business continuity and to measure the BCM program capability in a consistent and recognised manner.*



# PENGURUSAN RISIKO DI KWSP RISK MANAGEMENT IN EPF

Ilustrasi di bawah menunjukkan komponen Rangka Kerja Program BCM KWSP. *The illustration below shows the components of EPF's BCM Program Framework.*



Program BCM akan memastikan keberkesanan tindak balas terhadap gangguan perniagaan supaya operasi penting dapat diteruskan dalam tempoh masa yang dikehendaki. Ini akan membantu meminimalkan kos kerosakan atau gangguan terhadap operasi akibat kesan bencana. Pada tahun 2008, keberkesanan program BCM yang melibatkan pelan, sumber manusia dan infrastruktur telah diuji dengan jayanya. Di samping itu, latihan simulasi krisis turut dijalankan untuk menguji ketersediaan KWSP untuk mengurus krisis jika berlaku sebarang malapetaka kepada aktiviti hab operasi KWSP.

*The BCM program will ensure effective response to business disruptions to resume essential operations within the required timeframes to minimise cost of damage and interruptions to operations from the effects of disasters. In 2008, the effectiveness of the BCM program involving plans, people and infrastructure was successfully tested. Besides this, a crisis simulation exercise was also carried out to test the readiness of EPF to manage a crisis in the event of any catastrophes to its hub operational activities.*

## **PEMANTAUAN DAN KAJIAN SEMULA PENGURUSAN RISIKO OPERASI**

Lembaga KWSP memantau dan mengkaji semula pelaksanaan program pengurusan risiko melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga yang ditugaskan untuk mengawasi pengurusan risiko di dalam KWSP.

Pengurusan Risiko Operasi dikenal pasti sebagai sebahagian daripada pengurusan strategik dan risiko utama operasi dan diurus sebagai sebahagian daripada operasi harian. Semua risiko dikaji semula melalui satu proses teratur dan diselaraskan oleh Jabatan Pengurusan Risiko.

Pengurus kini memiliki risiko mereka sendiri. Ini akan memastikan komitmen mereka untuk memberi jaminan kepada pengurusan bahawa mereka menguruskan risiko mereka secara berkesan dan bertanggungjawab. Ini akan menghasilkan kebertanggungjawaban dan ketelusan di seluruh organisasi. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan metodologi ORM, enam jaminan digital diadakan setiap tahun. Metodologi Penyatuan dan Pengskoran turut dilaksanakan untuk mendapat pandangan menyeluruh terhadap risiko utama yang dihadapi oleh KWSP.

KWSP komited kepada falsafah pengurusan risiko berkesan sebagai satu bahagian penting amalan pengurusan risiko dan merupakan elemen penting dalam rangka kerja tadbir urus korporat yang baik. Penilaian risiko digunakan untuk menilai projek-projek berpotensi dan setiap kes perniagaan memerlukan analisis risiko dan cadangan rawatan risiko.

Untuk mempertingkatkan ukuran dan pemantauan risiko, Petunjuk Risiko Utama dan nilai imbalan/had-had akan dikenal pasti secara sistematik pada tahun 2009 sebagai isyarat dan amaran awal. Peristiwa Kerugian akan turut dikumpul bagi membantu proses pengurusan risiko.

## **MONITORING AND REVIEW OF OPERATIONAL RISK MANAGEMENT**

*The Board of Directors monitors and reviews the implementation of the risk management program via the Board Risk Management Committee (BRMC). The BRMC oversee risk management in EPF.*

*ORM is considered a part of strategic management and key operational risks are managed as part of day-to-day operations. All risks are reviewed in a formal process and coordinated by the Risk Management Department.*

*Line managers own their risks. This will ensure commitment from them to provide upwards assurance that they are effectively and responsibly managing their risks. This will provide accountability and transparency throughout EPF. To ensure effective execution of the ORM methodology, six digital assurance exercises are conducted annually. A Consolidated and Scoring Methodology was also implemented to provide a consolidated view of key risks faced by EPF.*

*EPF is committed to the philosophy of effective risk management as an integral part of good management practice and an essential element in the framework of good corporate governance. Risk assessment is used in assessing potential projects, each business case requiring analysis of risk and proposed treatment.*

*To enhance risk measurement and monitoring, Key Risk Indicators and threshold / limits will be systematically identified in 2009 as early warning signals. Loss Events will also be compiled to assist in the risk management process.*